

## HUBUNGAN PERSONALITI DAN KESEDIAAN BERUBAH DALAM KALANGAN BELIA YANG MENYALAHGUNAKAN DADAH DI CURE & CARE REHABILITATION CENTER, PAPAR, SABAH

Celistine Marcus\*, Guan Teik Ee & Carmella E. Ading

Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.

\*celistinecelistine@yahoo.com

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan tret personaliti dan kesediaan berubah dalam kalangan belia yang menyalahgunakan dadah di Cure & Care Rehabilitation (CCRC) Papar, Sabah. Seramai 165 orang belia lelaki yang berumur di antara 15 tahun hingga 39 tahun di ambil sebagai responden. Dua instrumen telah digunakan iaitu soal selidik Big Five bagi tret personaliti dan soal selidik University of Rhode Island Scale (URICA) bagi kesediaan berubah. Darjah kebolehpercayaan (Cronbach's Alpha) bagi instrumen Big Five ialah extraversion (0.86), neurotiscm (0.87), agreeableness (0.79), openness (0.83) dan conscientiousness (0.82). Bagi instrumen University of Rhode Island Scale (URICA) ialah precontemplation (0.75), contemplation (0.79), action (0.83) dan maintainance (0.78). Data dianalisis dengan menggunakan Perisian Statistical Package for Sosial Science (SPSS) versi 26.0. Analisis deskriptif akan digunakan untuk menganalisis min, kekerapan dan peratus. Pekali Korelasi Pearson digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan diantara tret personaliti openness, conscientiousness, agreeableness dan extraversion dengan kesediaan berubah dalam kalangan belia. Tret personaliti neurotiscm tidak mempunyai hubungan dengan kesediaan berubah dalam kalangan belia yang menyalahgunakan dadah di Cure & Care Rehabilitation (CCRC) Papar, Sabah. Beberapa cadangan akan dibincangkan berdasarkan keputusan kajian yang diperolehi.*

**Kata kunci:** Personaliti Big five, Kesediaan Berubah, Belia.

## PENGENALAN

Penyalahgunaan dadah adalah masalah kesihatan awam di seluruh dunia (Somani & Meghani, 2016). Senario ketagihan dadah telah menyebabkan masalah sosial kronik di banyak negara (Alsuwaidi, 2019). Dadah mengakibatkan masalah sosial dalam pelbagai cara (Csiennik, 2016). Kebergantungan dadah melibatkan banyak faktor seperti psikologi, sosial, keluarga dan biologi (Franques, Auriacombe, & Tignol, 2000; Alsuwaidi, 2019). Golongan belia tidak terlepas daripada isu penyalahgunaan dadah. Belia merupakan populasi terbesar penduduk dunia masa kini dan dijangkakan akan berlaku peningkatan sebanyak 1.3 bilion orang lagi menjelang tahun 2030 (Mohd Uzaini Mohamad Sani & Suhana Saad, 2018). Pada tahun 2019, populasi belia adalah sebanyak 14,876,200 juta orang, dengan menyumbang sebanyak 44.6 % peratus dalam populasi di Malaysia (MYDBS, 2019). Peratusan belia ini memberikan pengaruh yang signifikan dalam segala aspek sama ada dari aspek pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, aspek politik mahupun sosial (IPPB, 2010).

Berdasarkan laporan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) jumlah penagih yang dikesan per kes pada tahun 2018 ialah sebanyak 25,267 orang (AADK, 2020). Sebanyak 17,474 orang penagih merupakan kes baru dan 7,793 orang penagih lagi merupakan kes berulang. Penagih lelaki merupakan penyumbang terbesar kepada bilangan kes penagihan pada tahun lepas iaitu sebanyak 24,314 orang penagih berbanding penagih perempuan iaitu sebanyak 953 orang penagih. Ini amat membimbangkan dan usaha perlu dilakukan untuk mengurangkan bilangan penagih ini.

Masalah sosial dalam kalangan belia pada masa kini sedikit sebanyak telah membantutkan usaha pembangunan negara kita. Penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia adalah fenomena global yang terdapat di kebanyakan negara di dunia (H. A. Ibrahim, Mahmud, Abubakar, C, & Abdulkadir, 2016). Fenomena penagihan dadah di Malaysia merupakan isu negara yang meliputi isu sosial, keselamatan, ekonomi dan kesejahteraan (Nazira Sadiron, Mohammad Rahim Kamaluddin & Wan Shahrazad Wan Sulaiman, 2019). Golongan belia merupakan kelompok penting ke arah pembangunan negara di masa depan (Asma Abdullah & Shahhanin Yahya, 2015). Mereka merupakan pelapis dan pemimpin untuk mencorak masa depan negara (Safiah, Yeon, Alias, & Ayub, 2016) bagi mewujudkan sebuah negara maju, moden, harmoni, toleransi, berintegriti dan mempunyai kewibawaan tamadun bangsa yang komprehensif. Oleh itu, adalah perlu membina masyarakat belia yang bersatu padu, berdisiplin, berakhlak

tinggi dan bergerak maju dalam bidang sosial dan ekonomi serta untuk membina masyarakat yang sihat, cergas ke arah perpaduan dan pembangunan negara (Bakri, 2007).

### **PERNYATAAN MASALAH**

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan malahan dan swasta bagi memerangi dadah habis-habisan namun jumlah penagih dadah kian meningkat. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Cure & Care Rehabilitation Center (CCRC) Papar, Sabah, terdapat peningkatan kepada jumlah pelatih yang menjalani program pemulihan dan rawatan secara intensif di pusat tersebut. Pada tahun 2016, seramai 531 orang pelatih telah menjalani program pemulihan dan rawatan di pusat ini. Pada tahun 2017, jumlah pelatih yang menjalani program pemulihan dan rawatan telah menurun kepada 356 orang pelatih. Pada Tahun 2018, jumlah kemasukan pelatih ke Cure & Care Rehabilitation (CCRC) Papar, Sabah meningkat kepada 408 orang pelatih. Pada tahun 2019, jumlah pelatih yang berada di Cure & Care Rehabilitation (CCRC) Papar, Sabah ialah 408. Jumlah terkini sehingga Januari 2020 adalah sebanyak 350 orang di mana sebanyak 340 kes baru dan 10 kes berulang.

Pihak kerajaan telah membelanjakan sejumlah wang yang banyak bagi memerangi dadah habis-habisan dengan mengadakan program seperti Program Intelok Asuhan Rohani (PINTAR), Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELDS), Tomorrow Leaders, ceramah dan kempen yang berkaitan dengan bahaya dadah. Walau bagaimanapun, program rawatan dan pemulihan yang dijalankan menghadapi pelbagai cabaran kejayaannya (Yahya & Mahmood, 2002 dlm. Ibrahim & Kumar, 2009) disebabkan sesetengah program pemulihan dadah kurang berkesan dalam memberikan kesedaran kepada penagih (Mohamad, 1997; Welsh, J. & Predergest, 1995). Keberkesanan program pemulihan menjadi salah satu faktor kepada kejatuhan semula atau relaps dalam kalangan penagih. Pemfokusan terhadap diri penagih itu khususnya dari segi personaliti dan kesediaan untuk berubah amat perlu diberi perhatian kerana setiap individu berbeza dari segi personaliti. Tret Personaliti didapati menjadi peramal kepada pergantungan bahan dalam rawatan ketagihan, tetapi kajian kurang diterbitkan mengenai pengintegrasian pengetahuan ini dalam rancangan rawatan (Lackner, Unterrainer, & Neubauer, 2013). Memahami struktur personaliti individu yang menyalahgunakan bahan memberi implikasi penting terhadap keperluan rawatan (Lackner et al., 2013).

### OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya kajian ini dijalankan untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan tret personaliti dengan kesediaan berubah dalam kalangan belia yang menyalahgunakan dadah di Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC), Papar, Sabah

### HIPOTESIS KAJIAN

- Ha1 Terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *openness* dengan kesediaan berubah
- Ha2 Terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *conscientiousness* dengan kesediaan berubah
- Ha3 Terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *extraversion* dengan kesediaan berubah
- Ha4 Terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *agreeableness* dengan kesediaan berubah
- Ha5 Terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *neuroticism* dengan kesediaan berubah

### LIMITASI KAJIAN

Kajian ini hanya dijalankan ke atas pelatih lelaki di Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC), Papar, Sabah sahaja. Pelatih yang dipilih adalah daripada golongan belia yang berumur antara 15 hingga 39 tahun sahaja dan melibatkan semua pelatih di Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC), Papar, Sabah. Berdasarkan kepada definisi Agensi Antidadah Kebangsaan (2020), belia merupakan individu yang berumur di antara 15 hingga 39 tahun. Oleh itu, dapatan kajian mungkin tidak dapat digeneralisasikan untuk semua pelatih di Malaysia.

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan deskriptif berbentuk tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif yang bertujuan untuk melihat hubungan antara ciri personaliti dan kesediaan berubah dalam kalangan belia yang menyalahgunakan dadah.

### SUBJEK KAJIAN

Seramai 165 orang belia yang dimasukkan ke Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC), Papar, Sabah atas perintah mahkamah. Pemilihan subjek kajian adalah secara bertujuan kerana subjek mempunyai ciri-ciri khas yang dikehendaki oleh pengkaji.

## ALATAN KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan dua instrumen iaitu *Big Five Inventory Scale (BFI)* dan *University Of Rhode Island Change Assessment Scale (URICA)*. Instrumen *Big Five Inventory Scale (BFI)* iaitu ciri personaliti dibentuk oleh John dan Srivastava (1999) dan telah diterjemahkan oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) pada tahun 2009 (Yusup, 2013). Instrumen ini mengandungi 44 item yang terdiri daripada 28 item positif dan 16 item negatif. Terdapat 5 dimensi ciri personaliti iaitu keterbukaan (*Openness to experience*), kesedaran (*conscientiousness*), sifat sosial (*extraversion*), sama pendapat dan mudah mencapai persetujuan (*agreeableness*) dan gangguan emosi (*neuroticism*). Ketekalan dan kebolehpercayaan bagi instrumen adalah *extraversion* (0.86), *neuroticism* (0.87), *agreeableness* (0.79), *openness* (0.83) dan *conscientiousness* (0.82) (Rammstedt, B., & John, 2007).

Instrumen *University Of Rhode Island Change Assessment Scale (URICA)* telah dibina oleh McConnughy, DiClemente, Prochaska dan Velicer pada tahun 1989 dan telah diterjemahkan dalam Bahasa Melayu (Najwa Mohd Rus, 2012). Instrumen URICA mempunyai 32 item dan terdiri daripada 4 dimensi iaitu tahap *precontemplation*, tahap *contemplation*, tahap *action* dan tahap *maintenance*. URICA mempunyai ketekalan dalaman yang tinggi (Pantalon, M. V., Nich, C., Frankforter, T., Carroll, 2002) dengan tahap *action* (.83), *contemplation* (.79), *maintenance* (.78) dan *precontemplation* (.75).

## ANALISIS DATA

Maklumat yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* for Windows versi 26. Analisis melibatkan statistik deskriptif iaitu min, peratus dan kekerapan. Analisis inferensi menggunakan Korelasi Pearson bagi melihat hubungan personaliti dengan kesediaan untuk berubah dalam kalangan belia di Cure & Care Rehabilitations Center (CCRC), Papar, Sabah.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Keputusan analisis dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu latar belakang responden, analisis personaliti dan kesediaan berubah dan analisis inferensi berkaitan hubungan personaliti dan kesediaan berubah.

## ANALISIS DESKRIPTIF

Responden yang paling ramai terlibat dalam kajian ini ialah belia lelaki yang

berumur 28 tahun iaitu sebanyak 16 orang (9.7 %) diikuti oleh responden yang berumur 33 tahun sebanyak 13 orang (7.9%), 35 tahun iaitu sebanyak 12 orang (7.3%), 24, 29 dan 31 tahun masing-masing mencatatkan jumlah responden sebanyak 11 orang (6.7%), 25 dan 32 tahun masing-masing mencatatkan jumlah responden sebanyak 10 orang (6.1%), 22 dan 37 tahun masing-masing mencatatkan jumlah responden sebanyak 8 orang (4.8%), 27 dan 34 tahun pula masing-masing mencatatkan jumlah responden sebanyak 7 orang (4.2%), 30 dan 36 tahun masing-masing mencatatkan jumlah responden sebanyak 6 orang (3.6%), 21 dan 36 tahun masing-masing mencatatkan jumlah responden sebanyak 5 orang (3.0%), 19, 20, 26, dan 38 tahun pula masing-masing mencatatkan jumlah sebanyak 4 orang (2.4%) dan 23 tahun sebanyak 3 orang (1.8%).

Bumiputera merupakan responden yang paling ramai iaitu sebanyak 87 orang (52.7%) diikuti oleh bangsa Melayu sebanyak 27 orang (16.4), Bugis sebanyak 15 orang responden (9.1%), Suluk sebanyak 10 orang (6.1%), Banjar dan Bolongan masing-masing mencatatkan jumlah responden seramai 5 orang (3.0%), Cina dan Jawa pula masing-masing mencatatkan jumlah responden seramai 3 orang (1.8%), Kokos pula seramai 2 orang (1.2%), Lain-lain bangsa seramai 5 orang (3.0%) dan India, Pakistan dan Timur merupakan responden yang paling sedikit iaitu masing-masing mencatatkan jumlah sebanyak 1 orang (0.6%)

Berdasarkan dapatan analisis, kebanyakan responden yang terlibat dalam kajian terdiri daripada belia yang masih bujang iaitu seramai 106 orang (64.2%) manakala belia yang telah berkahwin adalah seramai 59 orang (35.8%).

Dari segi tahap pendidikan, responden yang paling ramai adalah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV) iaitu seramai 68 orang (41.2%), diikuti oleh Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) iaitu seramai 40 orang (24.2%), Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) seramai 40 orang (21.8%), Diploma seramai 8 orang (4.8%), Sijil seramai 6 orang (3.6%) dan tidak bersekolah seramai 6 orang (3.6%). Manakala lain-lain tahap pendidikan adalah seramai 1 orang (0.6%).

Kebanyakan responden bekerja sendiri iaitu sebanyak 92 orang (55.8%), diikuti oleh responden yang bekerja dalam sektor swasta iaitu sebanyak 31 orang (18.8%), sektor awam pula adalah seramai 11 orang (6.7%) dan seramai 31 orang responden (18.8%) pula tidak bekerja.

## ANALISIS INFERENSI

Jadual di bawah menunjukkan hasil analisis inferensi berkaitan hubungan antara personaliti openness dengan kesediaan berubah.

### Hubungan Antara Personaliti *Openness* Dengan Kesediaan Berubah

Jadual 1 Analisis Hubungan Antara Personaliti *Openness* Dengan Kesediaan Berubah

Hubungan Pembolehubah	Korelasi Pearson, r	Signifikan, p
Personaliti <i>Openness</i> Dengan <i>Precontemplation</i>	.047	.550
Personaliti <i>Openness</i> Dengan <i>Contemplation</i>	.422	.000
Personaliti <i>Openness</i> Dengan <i>Action</i>	.405	.000
Personaliti <i>Openness</i> Dengan <i>Maintenance</i>	.368	.000

Signifikan pada aras  $p < 0.05$

Personaliti openness tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap *precontemplation* dengan hubungan korelasi yang lemah iaitu  $r = .047$ . Personaliti openness mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap *contemplation* dengan hubungan korelasi yang sederhana iaitu  $r = .422$ . Personaliti openness mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap *action* dengan hubungan korelasi yang sederhana iaitu  $r = .405$ . Personaliti openness mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap *maintenance* dengan hubungan korelasi yang lemah iaitu  $r = .368$ .

Dapatan kajian ini menyokong pendapat yang dinyatakan oleh Vakola, M. et. al, (2004) yang menyatakan perubahan dalam sesuatu organisasi khususnya individu mempunyai hubungan yang positif dengan dimensi openness. Begitu juga dapat kajian oleh Smolla, R. K. et. al, (2010); Seppala, T. et. al, (2012); Nieb dan Zacher (2015) dan Streb (2015) yang mendapati interaksi yang signifikan di antara sikap keterbukaan (openness) dengan perubahan tingkah laku. Dalam konteks penagih

dadah, individu yang mempunyai personaliti ini akan mudah menyesuaikan diri dengan tingkah laku baru iaitu tingkah laku tidak menyalahgunakan dadah demi untuk mengekalkan kepulihan. Bagi individu yang mempunyai sikap terbuka yang rendah, mereka sukar untuk menerima perubahan, lebih gemar kepada cara hidup yang lama dan tidak mengambil sesuatu peluang (Gordon, 2020).

### Hubungan Antara Tret Personaliti Conscientiousness Dengan Kesiediaan Berubah

Jadual di bawah menunjukkan hasil analisis inferensi berkaitan hubungan antara personaliti conscientiousness dengan kesiediaan berubah.

Jadual 2: Analisis Hubungan Antara Personaliti Conscientiousness Dengan Kesiediaan Berubah

Hubungan Pembolehubah	Korelasi Pearson, r	Signifikan, p
Personaliti Conscientiousness Dengan Precontemplation	-.105	.181
Personaliti Conscientiousness Dengan Contemplation	.295	.000
Personaliti Conscientiousness Dengan Action	.318	.000
Personaliti Conscientiousness Dengan Maintenance	.064	.414

Signifikan pada aras  $p < 0.05$

Personaliti conscientiousness tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap precontemplation dengan hubungan korelasi yang sangat lemah iaitu  $r = -.105$ . Personaliti conscientiousness mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap contemplation dengan hubungan korelasi iaitu  $r = .295$ . Personaliti conscientiousness mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap action dengan hubungan korelasi yang lemah iaitu  $r = .318$ . Personaliti conscientiousness



tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap maintenance dengan hubungan korelasi yang sangat lemah iaitu  $r=.064$ .

Dapatan ini menyokong hasil kajian oleh Turiano, Whiteman, Hampson, Roberts & Mroczek (2012), Smollan, Matheny dan Sayers (2010) yang mendapati tahap conscientiousness yang tinggi dapat mengurangkan pengambilan bahan terlarang. Sementara tahap conscientiousness yang rendah akan meningkatkan pengambilan bahan terlarang. Kepentingan mengenai kesedaran terhadap keburukan pengambilan bahan terlarang tidak dapat dipertikaikan lagi (Roberts, B. W., Lejuez, C., Krueger, R. F., Richards, J. M., & Hill, 2012). Walau bagaimanapun, personaliti conscientiousness tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap maintenance. Dapatan ini, disokong oleh kajian yang telah dilakukan oleh Lori Sadwin O’Leary (2002) yang mendapati kepulihan bergantung kepada penggunaan dadah. Semakin lama menggunakan dadah, semakin sukar individu tersebut mengekalkan kepulihan (O’Leary, 2000). Semakin tinggi kesedaran, semakin rendah kebarangkalian individu tersebut untuk menyalahgunakan dadah (Terracciano, Lockenhoff, Crum, Bienvenu, & Costa, 2008). Pendedahan mesej kempen bahaya penyalahgunaan dadah menerusi kandungan penulisan di media cetak mendatangkan keberkesanan yang tinggi kepada khalayak khususnya golongan belia (Mohd. Hafifi Jamri, 2019).

**Hubungan Antara Personaliti Extraversion Dengan Kesiediaan Berubah**

Jadual di bawah menunjukkan hasil analisis inferensi berkaitan hubungan antara personaliti extraversion dengan kesiediaan berubah.

Jadual 3: Analisis Hubungan Antara Personaliti Extraversion Dengan Kesiediaan Berubah

Hubungan Pembolehubah	Korelasi Pearson, r	Signifikan, p
Personaliti Extraversion Dengan Precontemplation	.007	.934
Personaliti Extraversion Dengan Contemplation	.216	.005

Personaliti Extraversion Conscientiousness Dengan Action	.221	.004
Personaliti Extraversion Dengan Maintenance	.185	.018

Signifikan pada aras  $p < 0.05$

Personaliti extraversion tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap precontemplation dengan hubungan korelasi yang sangat lemah iaitu  $r = .007$ . Personaliti extraversion mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap contemplation dengan hubungan korelasi yang lemah iaitu  $r = .216$ . Personaliti extraversion mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap action dengan hubungan korelasi yang lemah iaitu  $r = .221$ . Personaliti extraversion tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap maintenance dengan hubungan korelasi yang sangat lemah iaitu  $r = .185$ .

Dapatan ini disokong oleh Wan Shahrazad, Z.M. Lukman, A.R. Roseliza Murni, A.Z. Zainah, I. Fauziah and Z. (2011) yang menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara ciri extraversion dengan kesediaan untuk berubah. Kenyataan ini turut disokong oleh dapatan Smollan, Matheny dan JSayers (2010) yang menyatakan extraversion memberikan kesan ke atas perubahan seseorang individu. Personaliti extraversion juga memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan individu (Richaud, Maria Cristina, Belen Mesurado, 2015). Individu yang mempunyai emosi yang positif atau extraversion yang tinggi tidak mudah terpengaruh dengan penyalahgunaan bahan (Hiebler-Ragger et al., 2018). Individu yang mempunyai ciri extraversion mudah untuk bergaul dan berkongsi pendapat dengan orang lain khususnya pegawai pemulihan dan kaunselor. Oleh itu, mudah bagi pegawai pemulihan dan kaunselor untuk meneroka dan mengenalpasti faktor utama kepada pengambilan dadah. Disamping itu, perasaan ingin tahu dan positif tentang sesuatu khususnya perbincangan mengenai langkah-langkah untuk mengekalkan kepulihannya memudahkan individu tersebut berusaha meninggalkan tabiat penagihan dadah mereka. Ia juga secara tidak langsung dapat membantu pegawai pemulihan dan kaunselor untuk menyalurkan informasi yang berkaitan dengan strategi menangani relaps.

### **Hubungan Antara Personaliti Agreeableness Dengan Kesediaan Berubah**

Jadual di bawah menunjukkan hasil analisis inferensi berkaitan hubungan antara

personaliti agreeableness dengan kesediaan berubah.

Jadual 4: Analisis Hubungan Antara Personaliti Agreeableness Dengan Kesediaan Berubah

Hubungan Pembolehubah	Korelasi Pearson, r	Signifikan, p
Personaliti agreeableness Dengan Precontemplation	.022	.775
Personaliti agreeableness Dengan Contemplation	.453	.000
Personaliti agreeableness ientiousness Dengan Action	.399	.000
Personaliti agreeableness Dengan Maintenance	.308	.000

Signifikan pada aras  $p < 0.05$

Personaliti agreeableness tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap precontemplation dengan hubungan korelasi yang sangat lemah iaitu  $r = .022$ . Personaliti agreeableness mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap contemplation dengan hubungan korelasi yang sederhana iaitu  $r = .453$ . Personaliti agreeableness mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap action dengan hubungan korelasi yang lemah iaitu  $r = .399$ . Personaliti agreeableness mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap maintenance dengan hubungan korelasi yang lemah iaitu  $r = .308$ .

Dapatan ini disokong oleh Vakola, Tsaousis dan Nikolaou (2003) yang menyatakan perubahan dalam organisasi mempunyai hubungan yang positif terhadap dimensi agreeableness. Individu yang memiliki personaliti agreeableness lebih mudah untuk menerima sesuatu perubahan (Smolla, R. K., Matheny, J. A. & Sayers, 2010) dan pada masa yang sama akan menurunkan niat untuk mengambil dadah (Turiano, Whiteman, Hampson, 2012). Agreeableness yang rendah dapat dilihat sebagai aspek yang sangat bermasalah dalam proses rawatan, terutamanya dalam mempengaruhi kehidupan klien. Sifat ini didapati mempengaruhi reaksi klien terhadap ahli terapi dan kesediaan untuk terlibat dalam proses psikoterapi (Lackner et al., 2013).

**Hubungan Antara Personaliti Neuroticism Dengan Kesediaan Berubah**

Jadual di bawah menunjukkan hasil analisis inferensi berkaitan hubungan antara personaliti neuroticism dengan kesediaan berubah.

Jadual 5: Analisis Hubungan Antara Personaliti Neuroticism Dengan Kese  
diaan Berubah

Hubungan Pembolehubah	Korelasi Pearson, r	Signifikan, p
Personaliti neuroticism Dengan Precontemplation	-.051	.519
Personaliti neuroticism Dengan Contemplation	-.069	.381
Personaliti neuroticism ientiousness Dengan Action	-.107	.172
Personaliti neuroticism Dengan Maintenance	.097	.215

Signifikan pada aras  $p < 0.05$

Dapatan kajian menunjukkan personaliti neuroticism tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap precontemplation dengan hubungan korelasi yang sangat lemah iaitu  $r = -.051$ . Personaliti neuroticism tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap contemplation dengan hubungan korelasi yang sangat lemah iaitu  $r = -.069$ . Personaliti neuroticism tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap action dengan hubungan korelasi yang sangat lemah iaitu  $r = -.107$ . Personaliti juga neuroticism tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap maintenance dengan hubungan korelasi yang sangat lemah iaitu  $r = .097$ .

Dapatan ini disokong oleh Vakola, Tsaousis dan Nikolaou (2003) dan Smollan, Matheny dan Sayers (2010), yang menyatakan neuroticism tidak mempunyai hubungan ke atas perubahan individu. Dalam konteks penyalahgunaan dadah, khususnya di CCRC, Papar, responden yang terlibat dalam kajian ini telah melalui rawatan dan pemulihan. Oleh itu, responden tidak mempunyai keinginan atau niat untuk mengambil dadah. Di CCRC, Papar, pelbagai program telah dijalankan bagi membantu penghuni agar bebas daripada pergantungan terhadap dadah sama ada dari segi fizikal dan psikologikal dan mengintegrasikan mereka semula ke dalam masyarakat sebagai seorang yang normal, berguna dan produktif (Muhamar Yazil Bin Mahmud, 2003). Antara program yang dijalankan di pusat ini adalah Terapi Kekeluargaan atau Therapeutic Community (TC). Ia merupakan program pemulihan secara psikologikal yang menekankan konsep kekeluargaan

dan hubungan masyarakat yang boleh mendorong kepada perubahan tingkahlaku dan pembentukan sikap yang positif. Antara program yang disediakan adalah seperti modifikasi dan pengurusan tingkahlaku, perkembangan dan pertumbuhan emosi dan psikologi, perkembangan intelek dan rohani dan kemahiran hidup dan vokasional.

### **CADANGAN**

Kajian ini diharap dapat memberi impak besar kepada pihak berwajib seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) khususnya dalam merangka strategi yang bersesuaian berdasarkan personaliti dan akhirnya dapat membantu klien untuk mengekalkan kepuhlian. Pemahaman personaliti yang baik dan pepadanan rawatan dan pemulihan yang bersesuaian dapat mengelakkan klien daripada relaps. Terdapat beberapa kajian yang mendapati neuroticism, kebimbangan dan kemurungan dikaitkan dengan kelemahan dari segi rawatan dan pemulihan (Terracciano et al., 2008). Perbezaan personaliti dalam kalangan penagih dadah memainkan peranan yang penting dalam pemilihan kaedah rawatan dan pemulihan. Oleh itu, diharap kajian ini dapat memberi impak terhadap penerapan personaliti dalam memilih kaedah yang bersesuaian berdasarkan tret personaliti klien.

### **RUMUSAN**

Berdasarkan rumusan dari kajian ini, diharapkan agar memberi gambaran yang jelas berkaitan tret personaliti dan kesediaan berubah dalam kalangan belia yang menyalahgunakan dadah. Semoga dengan adanya hasil kajian ini, ianya dapat dijadikan panduan kepada semua pihak khususnya Agensi Antidadah Kebangsaan agar mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam merangka strategi, pendekatan dan program yang lebih jitu dan berkesan sesuai dengan personaliti klien. Melalui pemantapan program ini, diharapkan agar masalah relaps dalam kalangan bekas penagih dadah akan berkurangan dan seterusnya jumlah penagih dadah di Malaysia dapat dikurangkan.

### **RUJUKAN**

AADK. (2018). Buku Maklumat Dadah 2013. Retrieved from [http://www.adk.gov.my/html/laporandadah/2013/Buku Maklumat Dadah 2018.pdf](http://www.adk.gov.my/html/laporandadah/2013/Buku%20Maklumat%20Dadah%202018.pdf)

AADK. (2020). Statistik Penagih Mengikut Status Kes 2014-2018. Retrieved February 14, 2020, from <https://www.adk.gov.my/orang-awam/statistik-dadah/>

Alsuwaidi, H. (2019). Understanding the Barriers to Integration to Society , Recovering Patient From Addiction Face : Qualitative Study in UAE .

Havard University. Retrieved from <https://dash.harvard.edu/bitstream/handle/1/42057409/ALSUWAIDI-MASTEROFMEDICALSCIENCESTHESIS-2019.pdf?sequence=1&isAllowed=y>

Asma Abdullah & Shahhanin Yahya. (2015). Buletin Fakta. Institut Penyelidikan Pembangunan Malaysia (Vol. 3).

Bakri, D. H. F. R. B. H. (2007). Konvensyen Pembangunan Belia Meneroka Generasi 2057.

Csiennik, R. (2016). Substance use and Abuse: Everthing Matters (2nd ed.). Canadian scholars' Press Inc.

Franques, P., Auriacombe, M., & Tignol, J. (2000). Addiction and personality. *PubMed*, 26(1), 68–78. Retrieved from <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed/10875064>

Fuad Mohamed Berawi. (2017). Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis. Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Gordon, S. (2020). How Agreeableness Affects Your Behavior. Retrieved August 1, 2020, from <https://www.verywellmind.com/how-agreeableness-affects-your-behavior-4843762>

Hiebler-Ragger, M., Fuchshuber, J., Droscher, H., Vajda, C., Fink, A. &, & Unterrainer, H. F. (2018). Personality influences the relationship between primary emotions and religious/Spiritual well-being. *Frontiers in Psychology*, 9(March), 1–8. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2018.00370>

Ibrahim, F., & Kumar, N. (2009). Factors Effecting Drug Relapse in Malaysia: An Empirical Evidence. *Asian Social Science*, 5(12), 37–44. <https://doi.org/10.5539/ass.v5n12p37>

Ibrahim, H. A., Mahmud, S., Abubakar, A., C, A. H., & Abdulkadir, S. (2016). Effect of Drug Abuse Among Youth and Its Impact on Learning. *IOSR Journal of Pharmacy and Biological Sciences Ver. III*, 11(1), 14–17. <https://doi.org/10.9790/3008-11131417>

IPPBM. (2010). Belia Berisiko: Profil, Faktor Penyebab & Intervensi. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

John, O. P., & Srivastava, S. (1999). The Big Five trait taxonomy: History, measurement, and theoretical perspectives. *Handbook of personality: Theory and research*, 2(1999), 102-138.

Konting, M. M. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Lackner, N., Unterrainer, H., & Neubauer, A. C. (2013). Differences in Big Five personality traits between alcohol and polydrug abusers : Implications for treatment in the therapeutic community. *International Journal of Mental Health and Addiction*, 1–18. <https://doi.org/11.10.1007/s11469-013-9445-2>

Mohamad, M. (1997). *Faktor-faktor Kegagalan Membebaskan Diri Daripada Dadah*. Universiti Putra Malaysia.

Mohd. Hafifi Jamri, N. I. & J. A. (2019). Kempen Bahaya Penyalahgunaan Dadah : Satu Penilaian Mengenai Keberkesanan Strategi Media Cetak Dalam. *Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*, 2(April), 123–135. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/336551901%0AKempen>

Mohd Uzaini Mohamad Sani & Suhana Saad. (2018). Pelaksanaan dan Cabaran Penglibatan Belia dalam Parlimen Belia Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(1), 1–17.

Muhamar Yazil Bin Mahmud. (2003). Program rawatan dan pemulihan dadah di pusat serenti. *Malaysian Journal of Social Administration*, 2(1), 63–79.

MYDBS. (2019). Malaysian Youth Data Bank System. Retrieved February 14, 2020, from <https://ydata.iyres.gov.my/iyresbankdataV2/www/index.php?r=pub/home/readcontent4&id=39>

Najwa Mohd Rus, S. M. & M. N. M. (2012). Motivasi Berubah Di Kalangan Wanita Yang Bergantung Kepada Dadah Yang Sedang Menjalani Rawatan Dan Pemulihan Dadah Dalam Institusi.

Nazira Sadiron, Mohammad Rahim Kamaluddin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, R. K. (2019). Psikologi Penagihan Dadah: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 33(1), 12–33.

Nicholas A. Turiano, Shawn D. Whiteman, Sarah E. Hampson, B. W. R. & D. K. M. (2012). Personality and Substance Use in Midlife: Conscientiousness as a Moderator and the Effects of Trait Change. *Journal of National Institute of Health*, 46(3), 295–305. <https://doi.org/10.1016/j.jrp.2012.02.009>

Nieb, C., & Zacher, H. (2015). Openness to experience as a predictor and outcome of upward job changes into managerial and professional positions. *PLoS ONE*, 10(6), 1–22. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0131115>

O’Leary, L. S. (2000). Personality traits and addiction relapse rates : is there a connection ? Rowan University. Retrieved from <https://rdw.rowan.edu/etd/1721>

Pantalon, M. V., Nich, C., Frankforter, T., Carroll, K. M. (2002). The URICA as a measure of motivation to change among treatment-seeking individuals with concurrent alcohol and cocaine problems. *Psychology of Addictive Behaviors : Journal of the Society of Psychologists in Addictive Behaviors*, 16(4), 2002. Retrieved from <https://search.proquest.com/docview/72800120?accountid=44242>

Rammstedt, B., & John, O. P. (2007). Measuring personality in one minute or less: A 10-item short version of the Big Five Inventory in English and German. *Journal of Research in Personality*, 41(1), 203–212. Retrieved from <https://doi.org/10.1016/j.jrp.2006.02.001%0AAbstract>

Richaud, Maria Cristina, Belen Mesurado, N. J. M. & M. V. (2015). Extraversion : Nature , Development and Implications to Psychological Health. *ResearchGate*searchGate, (October 2014). Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/261874637%0AExtraversion>:

Roberts, B. W., Lejuez, C., Krueger, R. F., Richards, J. M., & Hill, P. L. (2012). What Is Conscientiousness and How Can It Be Assessed? *American Psychological Association*, (December). <https://doi.org/10.1037/a0031109>

Safiah, C., Yeon, A. L., Alias, A., & Ayub, Z. A. (2016). Penyertaan Belia dalam Pembuatan Keputusan Melahirkan Kemahiran Kepimpinan. In *Proceeding of The International Conference on Government & Public Affairs 2016 (ICOGPA2016)*.

Seppala, T., Lipponen, J., Bardi, A., Pirttila-Backman, A. M. (2012). Change-oriented organizational citizenship behaviour: An interactive product of openness to change values, work unit identification and sense of power. *Journal of Occupational and Organization Psychology*, 85(1), 136–155.

Shahrazad, W. S. W., Lukman, Z. M., Murni, A. R. S., Zainah, A. Z., Fauziah, I., & Arifin, Z. (2011). Personality traits as predictors towards readiness to change among female drug addicts. *American Journal of Applied Sciences*, 8(2), 134–140. <https://doi.org/10.3844/ajassp.2011.134.140>



Smolla, R. K., Matheny, J. A. & Sayers, J. G. (2010). *Personality, Affect and Organizational change: A qualitative study* (Vol. 6). Emerald insight: Bingley, UK.

Somani, S., & Meghani, S. (2016). Substance Abuse among Youth: A Harsh Reality. *Emergency Medicine: Open Access*, 6(4). <https://doi.org/10.4172/2165-7548.1000330>

Streb, J. (2015). *Openness, Transformational Leadership, and Individual Change Readiness*. Towson University

Terracciano, A., Lockenhoff, C. E., Crum, R. M., Bienvenu, O. J., & Costa, P. T. (2008). Five-factor model personality profiles of drug users. *BMC Psychiatry*, 8(22), 1–10. <https://doi.org/10.1186/1471-244X-8-22>

Vakola, M., Tsaousis, I. & Nikolaou, I. (2004). (2004). The role of emotional intelligence and personality variables on attitudes towards organizational change. *Journal of Managerial Psychology*, 1(2), 88–110.

Wellsh, J. & Predergest, M. L. (1995). Towards a Drug Abuse Treatment System. *Journal of Adolescent*, (9), 759–782.

Yusup, N. A. M. (2013). *Hubungan ciri personaliti dan iklim organisasi sekolah dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru Sekolah Menengah Daerah Tawau, Sabah*. Universiti Malaysia Sabah.